

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan perancangan dan kajian yang digerakkan bagi melihat kaedah memastikan aspek kokurikulum kepada pelajar-pelajar sekolah boleh dijalankan walaupun dengan kekangan pandemik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemic COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. KPM telah mengambil langkah awal dengan menangguhkan semua program sukan dan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi membendung penularan wabak COVID-19 bermula 13 Mac 2020.

Bagi memastikan aktiviti kokurikulum tidak terjejas, semua aktiviti kokurikulum iaitu Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform, Sukan/Permainan dan perjumpaan mingguan dilaksanakan secara dalam talian sebagai langkah kawalan penularan COVID-19 yang melanda negara. Pelaksanaan aktiviti secara dalam talian ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan bahan rangsangan seperti video, gambar, petikan atau nota ringkas manakala tugas murid pula boleh diberikan dalam bentuk soalan, projek, modul atau kerja kursus. Walau bagaimanapun, jadual pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini perlu diselaraskan di peringkat sekolah agar tidak mengganggu waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) guru serta murid.

Bagi tahun 2021, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) turut mengambil kira kehadiran perjumpaan mingguan secara dalam talian, seperti mana yang telah dilaksanakan pada tahun 2020. Jumlah kehadiran perjumpaan aktiviti kokurikulum pula telah ditetapkan pada kadar minimum lima (5) kali bagi setiap bidang. Pentaksiran ini turut dibuat berdasarkan penglibatan dan penyertaan murid dalam program atau pertandingan kokurikulum secara dalam talian anjuran KPM, agensi kerajaan mahu pun agensi bukan kerajaan yang telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan daripada KPM. Pengurusan sistem PAJSK ini melibatkan sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta yang berdaftar dengan sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) sahaja.

Untuk makluman, jumlah penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum secara dalam talian anjuran KPM bagi tahun 2021 adalah

## SOALAN NO : 27

seramai 512,448 orang. Jumlah ini mengambil kira penyertaan murid di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan aktiviti ko-akademik (306,996 orang), pasukan badan beruniform (16,380 orang), kesenian (20,212 orang) dan sukan (168,860 orang).

Di samping itu, KPM juga melaksanakan pertandingan kemahiran sukan secara talian bagi 24 jenis sukan di bawah Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) mulai Julai sehingga Oktober 2021. Pertandingan kemahiran sukan ini dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan yang melibatkan murid sekolah bagi kategori umur bawah 12 tahun, bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun.

Bagi memastikan murid dapat mengekalkan kecergasan dan kemahiran dalam sukan, KPM dengan kerjasama agensi bukan kerajaan telah menyediakan 15 siri video senaman kecergasan KPM-MILO dan 24 siri video kemahiran asas bagi sukan kriket, olahraga dan hoki. Video pembelajaran ini telah disiarkan di saluran DidikTV KPM bermula pada 17 Februari 2021. Selain itu, sebanyak 35 siri video latihan asas menggunakan peralatan sukan, 13 siri video motivasi sukan dan 24 siri video program diet serta menu sihat telah disiarkan melalui DidikTV KPM mulai 1 Julai 2021.

KPM yakin pelaksanaan aktiviti kokurikulum dalam tempoh pandemik boleh diteruskan dengan keadaan yang selamat.